



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MD GHANI BIN MAT
BLOK BATIK: WARISAN KRAF TRADISIONAL MELAYU**

OLEH:

NUR ASYIKIN BINTI SAIDI	2020834016
NUR SHAFIQAH BINTI ASMAWI	2020859268

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MD GHANI BIN MAT
BLOK BATIK: WARISAN KRAF TRADISIONAL MELAYU**

OLEH:

NUR ASYIKIN BINTI SAIDI	2020834016
NUR SHAFIQAH BINTI ASMAWI	2020859268

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN.....	v
SENARAI ABREVIASI	vii
SENARAI SINGKATAN	ix
RUJUKAN KATA	xi
BIODATA PENEMUBUAL	2
BIODATA TOKOH.....	5
PENGENALAN.....	7
TRANSKRIP	9
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH	9
BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN.....	13
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL.....	14
BAHAGIAN 4: KERJAYA	16
BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG BLOK BATIK	24
BAHAGIAN 6: PENUBUHAN BENGKEL	41
BAHAGIAN 7: CABARAN	47
BAHAGIAN 8: HARAPAN	51
LAMPIRAN.....	55
LOG WAWANCARA.....	56
GLOSARI	64
DIARI KAJIAN.....	66
SENARAI SOALAN	69
SURAT PERJANJIAN	76
GAMBAR.....	77
INDEKS.....	80

ABSTRAK

ABSTRAK

Projek ini mengenai kreativiti, kemahiran, sumbangan dan pencapaian seorang Adiguru Kraf Blok Batik iaitu Encik Md Ghani Bin Mat. Beliau dilahirkan pada 23 Disember 1956 di Pasir Mas, Kelantan. Transkrip ini menceritakan tentang penglibatan beliau dalam kraftangan di Malaysia. Bagi menghargai sumbangan tersebut Kraftangan Malaysia telah melantik beliau sebagai Adiguru Kraf Blok Batik pada tahun 2011. Antara keistimewaan Encik Ghani ialah beliau telah mencipta beberapa inovasi bagi memudahkan kerja-kerja pembuatan blok seperti penggunaan mesin giling sotong kering dalam menghasilkan kepingan sumbat (jalur-jalur halus yang diletakkan ke dalam corak bagi tujuan menebalkan corak tersebut apabila dicop pada kain). Sepanjang menceburi pertukangan kraf blok batik, beliau telah berjaya menubuhkan sebuah bengkel dengan empat orang tenaga kerja hasil daripada sumbangan Kraftangan Malaysia. Kemahiran membuat blok batik ini telah diturunkan kepada dua orang anak beliau iaitu Mohd Erri Azri yang kini berusia 34 tahun dan juga Ahmad Adi Adli yang berumur 27 tahun. Sumbangan beliau dalam pembangunan industri kraf negara adalah dengan menyertai demonstrasi pembuatan kraf blok batik dalam program Piala Seri Endon pada tahun 2007 anjuran Yayasan Budi Penyayang. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai tenaga pengajar dan juru demo bagi program pembangunan usahawan anjuran Kraftangan Malaysia di bawah skim Perantisan Kraf Warisan pada tahun 2006. Antara faktor utama yang mendorong beliau supaya terus berada dalam industri seni ini adalah kerana beliau mahu memastikan seni pertukangan tradisional ini menjadi salah satu seni yang dikenali dan dihargai dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Melayu.

Kata kunci: *Encik Md Ghani Bin Mat, kraftangan, Blok Batik, tradisional, warisan*

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kami bersyukur kehadiran Ilahi kerana dapat menyiapkan tugas ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tugas ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu daripada pensyarah kami, semua ahli dan rakan-rakan. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah tugas kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah memberikan maklumat yang berguna kepada kami untuk tugas ini. Terima kasih juga kerana menjalankan dan memberi tunjuk ajar yang tidak ternilai tentang cara menyiapkan tugas ini. Selain itu, kami juga berterima kasih kepada kedua ibu bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan sekelas yang lain kerana telah memberi motivasi kepada kami untuk bekerja lebih gigih dan tidak berputus asa serta memberi sokongan moral sekaligus tunjuk ajar yang berharga kepada kami untuk menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pencerita kami iaitu Encik Md Ghani Bin Mat atas kesudian beliau dalam meluangkan masa bersama-sama kami untuk menceritakan mengenai blok batik tembaga.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
UiTM	Universiti Teknologi MARA
SIS	Sultan Ibrahim Primary School
Covid-19	Coronavirus Disease 2019

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

MGM	Md Ghani Bin Mat
NS	Nur Shafiqah Binti Asmawi
NA	Nur Asyikin Binti Saidi

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Abe	Abang
Ade	Ada
Ambik	Ambil
Atar	Hantar
Ayoh	Ayah
Bahei	Bahan
Banyok	Banyak
Belake	Semua
Bendo	Benda
Berkenei	Berkenan
Biase	Biasa
Bilo	Bila
Budok	Budak
Bungo	Bunga
Cam	Macam
Cerito	Cerita
Dale	Dalam
Diaore	Diorang
Doh	Dah
dok	Kan
Duk	Tengah
Ejas	Betulkan
Gapo	Apa
Gi	Pergi
Gini	Begini
Gitulah	Macam itu
Gunake	Gunakan
Ho	Ya
Hok	Yang

Jage	Jaga
Je	Sahaja
Jelah	Sahaja lah
jiret	Pijak
Kade	Kadang
Kalu	Kalau
Kampong	Kampung
Kat	Dekat
Keda	Kedai
Kei	Kan
Kijo	Kerja
Kiro	Kira
Kite	Kita
Ko	Atau
Kopak	Rosak
Kurei	Kurang
Lagutu	Begitu
Laki	Lelaki
Loni	Sekarang
Male	Malam
Mase	Masa
Memandei	Memandai
Memase	Memasang
Memei	Memang
Mikir	Fikir
Mintak	Minta
Mok	Mak
Muroh	Murah
Namo	Nama
Ngan	Dengan
Nikoh	Nikah
Nipih	Nipis

Nok	Nak
ore	Orang
Oyak	Bagitahu
Pahtu	Selepas itu
Pasarei	Pasaran
Pasei	Kerana
Pehe	Faham
Pemege	Pemegang
Pengabisei	Penghabisan
Pengusoho	Pengusaha
Penjaro	Penjara
Pesei	Corak
Puah	Puas
Pulau pinei	Pulau pinang
Pulok	Pula
Rase	Rasa
Ratokan	Ratakan
Rayo	Raya
Rosin	Damar
Samo	Sama
Se	Satu
Sekare	Sekarang
Semuo	Semua
Sene	Senang
Seore	Seorang
Sokmo	Sentiasa
Suh	Suruh
Supaye	Supaya
Susoh	Susah
Takde	Tiada
Takleh	Tidak boleh
Tigo	Tiga

Timoh	Timah
Tok	Tak
Umah	Rumah
Wak	Buat
Wi	Bagi
Ye	Dia
Yo	Dia
Zamei	Zaman

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama : Nur Shafiqah binti Asmawi
Tarikh Lahir : 27 Julai 2001
Alamat : No, 16 Taman Mutiara 2 , Jalan Cheroh 27600 Raub
Pahang.
No. Telefon : 019.....
Emel : shafiqah0727@gmail.com
Program : Pengurusan maklumat (IM245)

BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama : Nur Asyikin binti Saidi
Tarikh Lahir : 5 Julai 2000
Alamat : 38, Kampung Baru Tetambah, Manir, 21200 Kuala
Terengganu, Terengganu.
No. Telefon : 016.....
Emel : Syikinsaidi00@gmail.com
Program : Pengurusan maklumat (IM245)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Md Ghani bin Mat
Nama samaran : Pak cik Ghani & Pok Su Ghani
Tarikh lahir : 23 Disember 1956
Tempat lahir : Pasir Mas, Kelantan
Alamat : No 10, pembuat blok batik, kg Chenderong batu, 16250
Wakaf Bharu Kelantan
No telefon : 014-5276544
Bidang Penghasilan blok batik tembaga

PENGENALAN

PENGENALAN

Batik blok dikenali sebagai batik terap atau batik pukul yang merupakan salah satu daripada perusahaan seni kraftangan tradisional yang terkenal di Malaysia. Proses awal dalam perkembangan membuat batik blok adalah menggunakan ukiran sarang acuan kayu dengan menerap sejenis pewarna hitam dan Teknik ini dikenali sebagai 'terap hitam' (Juhari Azmi,2009). Sejarah perkembangan batik di negara ini dipercayai bermula sejak abad ke 15 Masihi dan terus berkembang terutamanya selepas tamat perang Dunia Kedua.

Blok batik merupakan sarang atau bahan penerap untuk membuat ragam hias pada permukaan kain putih. Ia juga disebut sarang bunga (Abdullah Mohamed, 1990). Blok batik daripada besi dan tembaga bermula pada abad ke-20 oleh keluarga Haji Che Su bin Ishak yang merupakan perintis perusahaan membatik di Kelantan. Apabila tembaga digunakan sebagai bahan asas membuat blok, penciptaan motif pada sarang blok lebih Nampak sempurna dan baik. Kepingan tembaga yang digunakan juga mudah dipotong dan dibentuk menjadikan reka corak pada sarang lebih nampak kemas dan halus.

Cetusan ilham ini diterjemahkan kepada hasil seni yang indah. Keindahan seni kraf dengan berbagai rupa dan dihiasi dengan ragam hias serta falsafah mendapat kedudukan yang tinggi pada suatu ketika dahulu. Ilham dan kerajinan tangan adalah kemahiran tukang-tukang kraf bagi mencanai dan menempa ciptaan. Tukang-tukang kraf mahir ini suatu ketika dahulu dinaungi oleh pihak istana dan para pembesar Melayu. Hasil kraf pada ketika itu turut dijadikan sebagai pengukur kepada status masyarakat Melayu.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Kraftangan Blok Batik di Kelantan yang diceritakan oleh tokoh blok batik iaitu Encik Md Ghani Bin Mat. Beliau dilahirkan pada 23 Disember 1956 dan dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan. Beliau adalah pembuat blok batik dan telah dianugerahkan sebagai Adiguru Kraftangan Blok Batik pada tahun 2011. Berikut merupakan transkrip oleh Nur Asyikin dan Nur Shafiqah yang telah menemubual beliau. Sesi temubual dijalankan di bengkel beliau sendiri iaitu di Kampung Chenderong Batu, Pasir Mas, Kelantan. Wawancara ini telah berlangsung selama 59 minit 48 saat pada tarikh 12 Januari 2023 dan merangkumi beberapa bahagian iaitu latar belakang beliau, kerjaya beliau, asal usul blok batik, penubuhan bengkel dan cabaran dan harapan yang diharapkan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

NA: Nur Asyikin
NS: Nur Shafiqah
MGM: Md Ghani Mat

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NA : Assalammualaikum. Saya Nur Asyikin binti Saidi dan kawan saya Nur Shafiqah binti Asmawi. Kami merupakan pelajar semester 5 Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Machang, Kelantan. Tujuan kami hari ini ingin mewawancara encik mengenai diri encik dan juga Kraftangan Blok Batik. Kami amat berbesar hati sebab encik sudi meluangkan masa untuk diwawancara pada hari ini. Bagi memulakan wawancara, kami akan bertanyakan mengenai latar belakang encik dahulu.

MGM : Okey [baiklah].

NS : Apakah nama penuh encik?

MGM : Nama penuh saya Md Ghani bin Mat. M-D-G-H-A-N-I M-A-T.

NS : Apakah nama gelaran encik?

MGM : *Biase* [biasa] tu kalau pelajar saya lah pak cik ni dia *ore* [orang] ni panggil pok ghani (bunyi burung) tapi kalau sekitar apa ni *kampong* [kampung] pak cik ni *dok* [kan] *area kampong* [kawasan kampung] pak cik ni dia *ore* [orang] panggil pok su ghani *pulok* [pula]. Jadi *ade* [ada] dua *name* [nama] lah gelaran.

NS : (Bunyi burung) Berapakah umur Pak Cik Ghani sekarang?

MGM : Sekarang Pak Cik Ghani umur *enam puluh tujuh* [67].

NS : Tarikh lahir Pak Cik Ghani?

MGM : Tarikh lahir *dua puluh tiga bulan dua belas sembilan belas lima puluh enam* [23/12/1956].

NS : Dimanakah Pak Cik Ghani dilahirkan dan dibesarkan?

MGM : Pak cik Ghani dilahirkan di daerah Pasir Mas [Kelantan] dibesarkan disanalah disekolah apa disana.

NS : **Adakah Pak Cik Ghani sudah berkahwin?**

MGM : Dah berkahwin.

NS : **Nama isteri Pak Cik Ghani?**

MGM : Rohani binti Mamat.

NS : **Apakah pekerjaan isteri Pak Cik Ghani?**

MGM : Suri rumah tangga.

NS : **Berapa umur isteri Pak Cik Ghani?**

MGM : *Lima peluh enam* [56].

NS : **Berapakah bilangan anak Pak Cik Ghani?**

MGM : *Lima* [5] orang.

NS : Pak Cik anak yang keberapa?

MGM : Yang ke *tiga* [3].

NS : Apakah nama penuh ayah Pak Cik Ghani?

MGM : *Ayoh namo* [ayah nama] Mat bin Ismail.

NS : Ibu?

MGM: Ibu Cik Aminah binti Haji Abdullah (bunyi burung).

NS : Apakah cita-cita Pak Cik Ghani sebelum menceburi bidang blog batik ini?

MGM : Cita-cita? cita-cita nak berjaya dalam hidup (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN

NS : Kita teruskan mengenai pendidikan Pak Cik Ghani. Dimanakah Pak Cik Ghani bersekolah rendah dan menengah dahulu?

MGM : Pak cik Ghani belajar setakat darjah enam *je* [sahaja] sekolah rendah *je* [sahaja]. Nama sekolah SIS Primary School maksudnya nama sekolah tu Sultan Ibrahim Primary School [SIS] di *area* [kawasan] Pasir Mas [Kelantan] tulah.

NS : (Bunyi burung) Adakah mata pelajaran Seni antara subjek yang Pak Cik Ghani minat di sekolah dahulu?

MGM : Masa tu mungkin *takde* [tiada] lah *pasal* [kerana] dia menengah dahulu baru itu key [kan] --, jadi mungkin *takde* [tiada] lah masa darjah enam tu (bunyi ayam) kira minat tu datang dengan sendiri (bunyi kereta).

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

NS : *Okay* [baiklah]. Seterusnya kita ke bahagian tiga iaitu mengenai kerjaya Pak Cik Ghani. Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh Pak Cik Ghani sebelum selepas tamat pengajian?

MGM : *Masetu* [masa itu] pak cik ni *kire* [kira] *budok-budok* [budak-budak] lagi *key* [kan] (bunyi ayam). Jadi pak cik *pon* [pun] susah nak cari *kijo* [kerja] di Pasir Mas tu. Di *area* [kawasan] Pasir Mas *memei* [memang] tiada kerjalah, jadi pak cik pun bertanya khabar dekat *area* [kawasan] Kota Bharu lah kalau ada *kijo* [kerja] kebetulan pula --, apa ni di kampung ibu pak cik tu *dok* [kan], ibu pak cik tu berasal daripada Kampung Sungai Budu *area* [kawasan] Kota Bharu tu (bunyi gangguan) jadi *masetu* [masa itu] pembuat blok batik ni ramai sekitar tu jadi pak cik pun mohonlah kerja tempat buat blok batik ni. Jadi pak cik *kijo* [kerja] lah dekat situ (jeda) pak cik *keje* [kerja] tu lebih kurang 2-3 tahun [2 ke tiga tahun] jugalah.

NS : Tahun bila Pak Cik Ghani *start* [mula] kerja tu?

MGM : Pak cik *dok* [tak] ingat tapi tahun 70-an lah.

NS : Dimanakah pekerjaan pertama tu?

MGM : Di kampung *Sungai Bodor* [Pasir Mas, Kelantan] tu lah bengkel pembuat batik (bunyi ayam) dekat dengan rumah mok [mak] pak cik.

NS : Berapakah gaji yang pak cik perolehi daripada pekerjaan tersebut?

MGM : *Masetu* [masa itu] lima ringgit *je* [sahaja] sehari kalau *tok* [tak] *kijo* [kerja] *takde* [tiada] gajilah.

NS : (Bunyi bising) Pernahkan pak cik mendapat tawaran bekerja sebagai pembuat blok batik?

MGM : Pak cik ni *gini* [macam ini] masa pak cik *duk* [tengah] *kijo* [kerja] tempat blok batik tu *dok* [kan] pak cik pun tengok lah blok batik *diaore* [mereka] buat kerja tu kan, jadi pak cik tengok blok batik *diore* [mereka] buat kerja tu kan macam nak ambik tahulah jadi (bunyi bising) minat tu timbul *key* [kan], ketebulan pak cik pun ni boleh melukis sikit-sikit *dok* [kan], jadi pun pak cik tanya khabar *kat kawe* [dekat kawan] semua ada tak tempat buat blok batik tu. Kebetulan *kawe* [kawan] saya kata ada adalah jadi *dia* [kawan Pak Cik Ghani] cuba hubungi dan bertanya *diaore* [mereka] tu nak pakai pekerja ke *cam* [macam] mana *dok* [kan], jadi *diaore* [mereka] pun nak pakai lah masa tu, jadi pak cik pun diterimalah bekerja, belajar sambil bekerja, saya bagitau kampung tempat bekerja tu di mana ya - di Kampung Ulu Lungai.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: KERJAYA

NA : Pada tahun bilakah Pak Cik Ghani ni dilantik sebagai Adiguru Kraf Blok Batik?

MGM : Pada tahun 2011.

NA : Apakah faktor yang mendorong Pak Cik Ghani untuk mendalami lebih mendalam bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Mendorong tu lah maksudnya *gini* [begini] mendorong tu *kire* [kira] minatlah *kite* [kita] minat dengan apa ni pekerjaan blok batik kan sesuai *ngan* [dengan] pak cik ni boleh melukis (bunyi gangguan) apa *dok* [kan] jadi bila kita buat *keje* [kerja] tu makin minat makin minat sampai pun pak cik rasa sampai boleh buat blok batik tu jadi pak cik pun buat sendiri kire *dah* [sudah] mahir.

NA : Pada tahun bilakah Pak Cik Ghani mula menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Pada tahun (suara mengganggu) tahun tu saya tak ingat tapi umur ingatlah masa umur lebih *kurei* [kurang] umur lima belas tahun pak cik belajar blok batik (bunyi ayam).

NA : Berapa lamakah pengalaman Pak Cik Ghani dalam pembuatan blok batik?

MGM : Sampai sekarang. Sekarang ni empat puluh lebih dah – empat puluh tujuh tahun macam gitulah kene buat kira-kira *pulok* [pula] lah. Pak cik *start* [mula] dari umur lima belas tu *key* [kan] sampai sekarang maknanya kena tolak dengan umur pak cik sekarang ni, jadi pak cik *takleh* [tidak boleh] bagi tepatlah kena buat catatan *pulak dok* [pula kan].

NA : Apakah rahsia kejayaan Pak Cik Ghani dalam bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Pak cik *raselah* [rasalah] sebenarnya kesabaran lah *key* [kan]. Pertama sekali minat *pahtu* [selepas itu] kesabaran, kesungguhan dalam berkerja *key* [kan] *gitulah* [macam itu] rasanya.

NA : Apakah anugerah yang Pak Cik Ghani dapat sepanjang menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Pak cik dapat tulah apa tu anugerah adiguru *jelah* [sahajalah] rasanya *hok* [yang] tulah.

NA : (Bunyi ayam) Apakah sumbangan Pak Cik Ghani sepanjang menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Sumbangan pak cik banyak mengajar anak-anak muda yang baru nak cuba kan, dia *ore* [orang] nak belajarliah tentang blok batik ni. Itulah rasanya pak cik mengajar dia *ore* [orang] lah (bunyi ayam).

NA : **Daripada siapakah Pak Cik Ghani (bunyi ketukan) mempelajari ilmu blok batik?**

MGM : Pak cik belajar dengan apa ni *seore* [seorang] pengusaha blok batik (bunyi ayam) di Kampung Ulu Lengai dan dia sudah jadi arwah *namo* [nama] dia Muhammad Zain Ali --, mase tu pelajar pekerja dia ramailah dalam berbelas-belas *ore* [orang] *jugok* [juga] tapi pak cik rasa dalam lima belas *ore* [orang] gitulah termasuk pak cik, pekerja dia atau pelajar *ye* [dia] lebih *kure tu* [kurang itu] masa itu.

NA : **(Bunyi ayam) Pernahkah Pak Cik Ghani mencapai penglibatan ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa?**

MGM : Pencapaian dapat *dale* [dalam] negeri jelah luar negara tu kita tak boleh nak *challenge* [cabar] pembuat blok batik Indonesia *gitu* [macam itu], tak larat dia *ore* [orang] hebat, *diaore ore* [mereka orang] lama dari kita *diaore* [mereka] buat seni tukang seni tangan *yo* [dia] memang hebat. Kita (bunyi ayam) memang tak larat nak lawan *ye* [blok batik dari Indonesia]. Teknik dia buat pun tak sama ngan kita, jadi kite setakat kita jelah, setakat kemampuan kita pasal blok dia tak sama dengan

kita cara buat tapi itulah rasa hebat dia pasal dia pun batik kan asal dari *negeri ye* [negara Indonesia] kemahiran dia tinggi dari kita (bunyi ayam).

NA : Apakah *platform* [medium] yang digunakan untuk Pak Cik Ghani mempromosikan produk?

MGM : *Platform* [medium] tu maksudnya?

NA & : Macam Facebook, IG [Instagram].

NS

MGM : Platform tu cara *pasarei gitu ko* [pasaran begitu ke]?

NA & : *Ha'ah* [mengiyakan] cara pasar.

NS

MGM : (Bunyi ayam) pasar tu guna Internet jual *dale* [dalam] Facebook.

NA : Siapa yang menguruskan platform?

MGM : Platform tu anak pak cik (bunyi ayam).

NA : Siapakah idola pak cik ketika mula menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Idola tu adalah dia ni kawan dengan guru pak cik (bunyi motor) nama dia ni --, pembuat blok batik dia jadi pak cik tertarik dengan cara ye buat sistem semua *dok* [kan] nama dia, *kiteore* [kami] panggil dia Nik Nor *jah masetu* [sahaja masa itu] tapi *dia* [idola Pak Cik Ghani] pun dah jadi arwah lah. Tapi *meme mace* [memang macam] pak cik berkenan dengan kerja tangan dia apa, usaha dia ke apa, cara teknik dia (bunyi ayam) mengajar pekerja-pekerja dia itu. Bagi pak cik anggap sebagai idola pak cik lah.

NA : Adakah terdapat antara adik beradik pak cik yang terlibat dalam blok batik?

MGM : Dalam blok batik ni *takde* [tiada] tapi *ade* [ada] *sore* [seorang] adik pak cik tu dia pembuat batik pengusaha batik (bunyi ayam).

NA : Adakah terdapat antara anak pak cik yang juga menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Ada lebih kurang dua *ore* [orang] anak sulung *sore* [seorang] dan anak ketiga *sore* [seorang], lelaki lah.

NA : Bolehkah encik bagitahu nama anak tersebut?

MGM : Nama anak yang sulung tu Muhammad Ery Azri bin Md Ghani. Yang kedua tu Ahmad Adi Adli bin Md Ghani.

NA : Berapakah umur anak pak cik?

MGM : Anak yang sulung tu (bertanya kepada anaknya) tiga puluh empat, (bertanya kepada anak) Deli [anak yang ketiga] dua puluh tujuh.

NA : Adakah ahli keluarga Pak Cik Ghani memberi sokongan ketika mula - mula menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : *Ha'a* [mengiyakan]. Yang bagi dorongan tu arwah *abe* [abang] saya lah *ye* [dia] memberi macam galakan macam *ye* kata “ kalau mu ni boleh buat batik pasal mu pandai melukis” *ye* kate lebih baik mu [Pak Cik Ghani] cebur dalam bidang blok batik ni pasal *ye* pun kerjanya ringanlah, *dok* [tidak] berat, tidak kotor sangat *key* [kan]. Makna dia bagi dorongan semangat pada pak cik suruh belajar tapi dia dah jadi arwah lah (bunyi gangguan).

NA : Adakah pak cik akan membuka peluang kepada anak muda di luar sana untuk mengenali seni kraf blok batik ini dengan lebih mendalam (bunyi motor)?

MGM : Ya insyAllah. Sekarang ni pun pak cik dah *cube* [cuba] bagi ilmu kepada *diaore cume mace* [diaorang Cuma macam] tak berapa nak minat macam gitulah. Pak cik dah bagi dorongan *mase* [masa] tu. Pelajar pak cik ramai pak cik *ngajar* [mengajar]. Sepanjang pak cik membuat blok batik lebih *kure* [kurang] ada dalam lima puluh orang tapi dia tu macam tak minat sangatlah *gitu* [begitu]. Setakat tu *je* [sahaja] pak cik boleh bagi dorongan begitu *jelah* [sahajalah] memang kita bagi dorongan kat *dia* [pelajar].

NA : **Ada ke antara pelajar pak cik tu yang jadi pengusaha blok batik tu juga sekarang?**

MGM : *Ha'a* [mengiyakan] ada *sore* [seorang] dia buat *area* [kawasan] kampung pak cik tulah *kat* [dekat] Kampung Sungai Budu dekat situ ramai pelajar-pelajar pak ciklah. Pekerja pak cik *masetu* [masa itu] jadi salah *sore* [seorang] tu dia *macei* [macam] faham sangat pasal blok *key* [kan] dia ada bakat lah dalam mengurus membuat blok, *caro business* [cara perniagaan] blok. Jadi *sekare ni ade sore* [sekarang ni ada seorang] lah pengusaha blok batik tu di kampung Sungai Bodor.

NA : **Berapakah bilangan jualan dalam sehari dari penghasilan blok batik?**

MGM : Sehari? Pak cik kalau buat blok ni pasal blok ni dia jenis lambat sikit *key* [kan] lambat kita buat jadi pak cik boleh anggaran *dale* [dalam] sepuluh [10] blok sahaja pak cik boleh buat dalam sebulan.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG BLOK BATIK

NA : Bolehkah pak cik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pembuatan blok batik?

MGM : Cara buat dia lah?

NA : Teknik dia?

MGM : Teknik dia! Mula-mula kita kena buat ape (bunyi burung) ni lukisan lah. *Design* [Reka bentuk] semua ape semua *dok* [kan]. *Design* [Reka bentuk] tu kite buat elok-elok *lepastu* [lepas itu] kita *raso* [rasa] puas hati *doh* [dah] ke. Barulah kita ke potong tembaga, potong tembaga (bunyi bising) tu saiz tembaga lebih *kure* [kurang] setengah inci lebar, ye *nipih* [nipis] je. (bunyi ketukkan) Tembaga ni *nipih* [nipis] je supaya kite *sene* [senang] nak lentur. Selepas kite lentur semua ape semua siap lentur, barulah kite *gunake* [gunakan] paku *hok* [yang] penyepit tu, *kei* [kan]. (bunyi bising) Kite pun pateri je lah. Sambung satu sama lain. Kite *joint-joint* [sambung-sambung] tu pateri, *pahtu* [lepastu] *joint-joint* [sambung-sambung] dia. *Pehe* [Faham] *dok* [tidak]? Ni cara (bunyi ketukkan) pateri dia lah. Cara *memase* [memasang] dia. Bila kita bentuk ke, kite *ambik* [ambil] *design* [reka bentuk] dia. Kita lentur-lentur semua *dok* [kan] ikut apa yang *design* [reka bentuk] kita nak ke *dok* [kan]. Kita pun susun lah dekat satu-satu tempat *supaye* [supaya] *sene* [senang] kite (bunyi ketukkan) *nok* [nak] cari. *Pehe* [Faham] *dok* [tak]? Jadi bila kita cari paku semua kita ketahui lah ni. Ni pin ape semua ni kite panggil ni pin tapi kita pateri dia antara satu sama lain. Sampailah siap satu blok tu *dok* [kan].

Lepastu [Lepas itu] *dok* [kan] kite buat *pemege* [pemegang] dia pulok. Kena buat *pemege* [pemegang]. *Lepastu* [Lepas itu] satu lagi lupa nak bagitahu, lepas siap *pemege* [pemegang] tu kite kene *ratokan* [ratakan] blok menggunakan sander [mesin belt sander], mesin sander. *Nok* [Nak] rata ke dia. *Kalu* [Kalau] kite *tak* [rata] *dok* [kan], *bilu* [bila] cop dia -- blok tu tak ke lilin tu tak *kei* [kan] lekat pada kain kalau tak *rato* [rata]. Mesti *keno* [kena] rata kan blok dulu.

NA : Apakah jenis-jenis corak blok batik yang boleh dibuat?

MGM : Biasanya kita buat *design* [reka bentuk] *bungo-bungo* [bunga-bunga] (bunyi burung) *kei* [kan] *pahtu* [selepas itu] abstrak. *Biasonye* [Biasanya] *gitu* [begitu] lah abstrak-- *biaso* [biasa] *bungo* [bunga] ni *tok* [tak] *kiro* [kira] lah *bungo* [bunga] *macei* [macam] mana pun kita olah lah. *Kade-kade* [Kadang-kadang] dia seakan-akan *bungo* [bunga]. kita ubah *design* [reka bentuk] ni *dok* [kan]. *Kade-kade* [Kadang-kadang] kita nampak tepat *bungo* [bunga] contohnya *bungo* [bunga] *rayo* [raya] lah *dok* [kan] kita buat juga, *bungo* [bunga] mawar pun kita buat juga. Tapi biasanya sekarang (bunyi ketukkan) ni dia, diorang *suko* [suka] abstrak. Contohnya bunga, ni *bungo* [bunga] ni tapi tak tahu apa benda *bungo* [bunga] apa *dok* [tidak] tahu. (ketawa) *kei* [kan]? *Ha* [mengiyakan] *ye* [dia] olah *gitu* [begitu] lah.

NA : Adakah penghasilan blok batik ini susah dalam pembuatannya?

MGM : *Memandei* [Memandai] *kei* [kan] saya raso [rasa] pok cik *raso* [rasa] lah *memei* [memang] *susoh* [susah] lah. (bunyi semawar) *Kalu* [Kalau] sesuatu *ye* [dia] *senei* [senang] *tu* [itu] mungkin *banyok* [banyak] ramai lah pulak *kei* [kan] orang buat. Orang sanggup membuatnya. *Pasei* [Kerana] *ye* [dia] susah, susah kita nak cari pelajar *ko* [atau] *ore* [orang] *keje* [kerja] ke benda susah. (bunyi ayam) Rumit lah kironye [kiranya].

NA : **Bagaimanakah pak cik mencari idea (bunyi ketukkan) untuk membina sesuatu corak itu?**

MGM : Ya idea pak cik nya sebenarnya *kade-kade* [kadang-kadang] pak cik cari *dale* [dalam] internet *jo* [sahaja] *design* [reka bentuk] *kei* [kan]. *Lepastu* [Lepas itu] kita olah balik. (ayam berkokok) Kita ubah lah *dok* [kan]. Kita tak *leh* [boleh] nak *wak* [buat] 100 peratus *bendo* [benda] yang *samo* [sama] *dok* [kan]. Kita olah, kita campur. Kata lah kita ada dua *design* [reka bentuk], kita campurlah *tigo* [tiga] tu menjadi *kei* [kan] satu blok pulak. *Ho* [mengiyakan] tu teknik lah pak cik buat *design* [reka bentuk]. *Kade-kade* [Kadang-kadang] ada *ape* [apa] ni *pengusoho* [pengusaha] batik sendiri *ye* [dia], *dio* [dia] buat reka cipta *design* [corak] sendiri (bunyi ayam) dia atar ke pak cik. Ada (bunyi bisung) diorang tak *leh* [boleh] buat *design* [reka bentuk] ni lah, tak pandai buat *design* [reka bentuk] dia suruh pak cik buat *design* [reka bentuk]. *Pahtu* [Lepas itu] pak cik buat dua tiga keping *design* [reka bentuk] tunjuk dekat *diore* [diorang] *pahtu* [lepas itu] *diore* [diorang] pilih lah yang *mano* [mana] dia *berkenei* [berkenan]. Dia *berkenei* [berkenan] baru kita *start* [mula] buat. *Ha* [mengiyakan] tu *caro* [cara] dia.

NA : Bagaimanakah penerimaan rakyat Malaysia terhadap 27 atakana kraftangan blok batik pada zaman dahulu?

MGM : Pada *zamei* [zaman] dahulu *kei* [kan], blok batik ni dia *suko* [suka] buat *pade* [pada] batik-batik sarung *kei* [kan]. Pemakaian *ore* [orang] *zamei* [zaman] dulu lah. Dulu-dulu *ore* [orang] *nikoh* [nikah] pakai batik sarung *kei* [kan]. Tapi sekarang ni *diore* [diorang] *doh* [dah] berubah *dok* [tidak] *pakei* [pakai] *doh* [dah] sarung. *Kalu* [Kalau] *pakei* [pakai] pun kat *umah* [rumah] *kei* [kan]. *Pahtu* [Lepas itu] sarung-sarung *semuo* [semua] ni (ayam berkokok) *diore* [diorang] buat dengan mesin *doh* [dah]. Buat dengan mesin dia tak buat dengan blok ni pasal buat dengan mesin ni lagi *muroh* [murah]. *Kalu* [Kalau] nak buat dengan tangan ni mahal lah. Jadi, benda tu *macei* [macam] pupus lah batik sarung ni. Daripada kita *duk* [kena] buat dengan blok sekarang ni *memei* [memang] *doh* [dah] pupus lah *bende* [benda] tu. Sekarang ni dia *duk* [tengah] buat kemeja, batik kemeja menggunakan blok. Dia tak buat lah batik sarung ni. *Kalu* [Kalau] ade pun mungkin mahal lah. Mungkin *ore* [orang] buat corak lain sikit. *Kalu* [Kalau] ade sarung pun *pesei* [corak] lain. Ataupun dia jenis kain kebaya lah kata *kei* [kan]. Dia buat kain tu *macei* [macam] batik sarung *pahtu* [lepas itu] baju, baju kurung *ha* [mengiyakan] *gitu* [begitu] (suara budak) buat perubahan lah.

NA : Adakah pembuatan blok batik ini hanya dibuat di Malaysia?

MGM : Pembuat blok? Blok batik ni, (suara budak menjerit) *kalu* [kalau] blok batik Malaysia ni (bunyi ketukkan) kita *ore* [orang] (bunyi ketukkan) lah yang buat.

Pasal [Kerana] di Indonesia *memei* [memang] *diorei* [diorang] ramai (bunyi ayam) buat blok. Ramai tempat *diorei* [diorang].

NA : Adakah pak cik menerima tempahan daripada pelanggan dari dalam atau luar negara?

MGM : Luar negara pun ada *jugak* [juga]. Tapi tak banyak lah. Contohnya di (ayam berkokok) Thailand ada (bunyi ketukkan) dia tempah, tapi tak banyak lah. Di England pun ada *sore* [sorang] dua *gitu* [begitu] lah. Ada *jugak* [juga] lah. Takat tu je lah *hok* [yang] luar negara.

NA : Adakah terdapat jabatan (bunyi ayam) atau agensi yang membuat tempahan blok batik?

MGM : Agensi ni (bunyi ketukkan) kebanyakannya daripada kraftangan lah. Dia *ore* [orang] banyak menempah blok batik dengan pak cik. *Pahtu* [Selepas itu] pihak *penjaro* [penjara] pun *ado* [ada] *jugok* [juga]. Tapi tak banyak lah tempahannya. Dua tu je lah.

NA : Dimanakah pak cik mendapat bahan-bahan untuk membuat blok batik ini?

MGM : Bahannya ada di area Kota Bharu tu lah ada satu *keda* [kedai] cina tu *dok* [kan]. Nama keda cina tu (bunyi burung) Syarikat Wak An *rasonye* [rasanya] lah. Dia *memei* [memang] jual barang-barang kebanyakan barang-barang untuk khusus

buat blok batik lah. Kita *ore* [orang] dapat dari situ. *Pahtu* [Lepas itu] ada *jugak* [juga] tempat yang kita pergi beli ada satu jenis (bunyi burung) bahan tu *dok* [kan] macam zink tu, pakai zink yang lebih-lebih kita buat tin apa *kei* [kan]. Bahan tu tempat kita ni *tak dok* [tidak ada] bengkel buat tin apa semua, jadi kita terpaksa pergi ke Pulau Pinei [Pulau Pinang] cari barang tu. Jauh sikit lah.

NA : Apakah berbezaan (bunyi burung) apabila kita menggunakan blok besi atau blok kayu untuk terapan?

MGM : *Kalu* [Kalau] (bunyi tungkul) blok kayu sebenarnya (bunyi bising) pok cik *dok* [tidak] tahu *caro kalu* [cara kalau] buat. Pok cik hanya tahu buat blok tembaga *gini* [begini] lah. Tapi kalau blok kayu ni pok cik *cerito* [cerita] sikit lah *dok* [kan]. Dia ni terlibat dalam tahun 50-an lagi blok kayu ni. Blok kayu ni bukan celuk *dale* [dalam] lilin cop *mano* [mana] dia masak lilin *mace* [macam] kite buat blok. Blok yang tembaga ni *dok* [kan] kualiti *kei ye* [kan dia] masak lilin apa dia panas lah. Tapi kayu ni tak sesuai jadi blok kayu ni diguna atas warna je lah *dok* [kan]. Pada warna (bunyi ayam) terap pada kain. (suara budak) sistem dia buat macam tu lama-lama bila kita mula- mula sekali buat blok kayu *pahtu* [selepas itu] bila keluar (bunyi motor) blok apa ni wujudnya blok besi ni *kei* [kan], jadi blok kayu pun jadi pupus. *Pasal* [Kerana] dia lebih menarik lagi blok ni, blok besi. Pada mulanya kita buat dengan blok besi asal-asal blok besi semua zink semua, *pahtu* [selepas itu] lama kelamaan dia *ore* [orang] *mintak* [minta] buat blok tembaga. *Pasal* [Kerana] blok tembaga ni lebih (bunyi ayam) berkualiti lah *kiro* [kira] *ho* [mengiyakan] blok tembaga. Bila dia buat batik tu maknanya dia jadi halus apa

semua *pahtu* [selepas itu] (bunyi burung) menarik lah daripada blok besi tu. *Pahtu, tuke* [Selepas itu, tukang] cop dia sukar blok tembaga, kepanasan dia pakai merata.

NA : Adakah blok batik ini sukar untuk dijaga dari segi penjagaan? (bunyi kereta)

MGM : *Jage* [Jaga] (bunyi motor) dia senang je. (bunyi kereta) dia bila kita jual blok pada *pengusoho* [pengusaha] batik tu *kei* [kan], *dia ore* [dia orang] guna lilin *kei maso* [kan masa] mengecop jadi lilin tu sebagai penyalut (bunyi semawar) untuk blok tu lah. Jadi dia salut dengan lilin, lilin tu sebagai kita panggil dia *macei* [macam] minyak lah *jugak dok* [juga kan] jadi dia takkan karat lah. Blok ni kalau dia terdedah pada *tak dok* [tidak ada] lilin apa semua dia mudah rosak karat apa semua. Tapi bila dah salut dengan lilin tu, dia jadi takkan karat lah, takkan kena udara apa semua *dok* [kan]. *Pahtu* [Selepas itu] blok tu tak boleh nak letak atas tanah dia kena gantung-gantung di dinding. (bunyi burung)

NA : Apakah kebiasaan kerosakan yang berlaku pada blok batik?

MGM : Kerosakkennya biasanya pengecop ni *dok* [kan] ye lalai sikit *dok* [kan], (bunyi semawar) dia *macei* [macam] kita kerja jadi ralat *kei* [kan]. Masa dia (bunyi ayam) *masok* [masak] lilin tu *dok* [kan], lilin tu panas sangat. Bila panas sangat dia *macei* [macam] akan jadi cairlah, cair je lah. *Pasal* [Kerana] kita pateri guna timah *kei* [kan]. Cair *timoh* [timah] bila dia renjis masa nak cop tu *ho* [mengiyakan] dia pun

rosak dia jatuh semua tu. Kena *repair kalu* [baiki kalau] jatuh *dio macei* [dia macam] kita sikit-sikit *dok* [kan] 20 peratus ke, *kalu* [kalau] 50 peratus tu kita *tokleh* [tidak boleh] nak *repair* [baiki] dah susah. Tapi *kalu* [kalau] 20 peratus tu kite boleh *repair* [baiki] lagi, (bunyi ayam) *ho* [mengiyakan]. boleh *repair* [baiki] lagi. Blok Indonesia tak sama dengan blok kite. Blok kita, kalau kita *wak* [buat] masuk *kei* [kan] dia blok kita dalam api *dok* [kan], rosak semua (bunyi burung) blok tembaga. Blok Indonesia kalau *wak* [buat] masuk dalam api tak jadi masalah. *Pasal* [Kerana] dia pateri pakai tembaga tu jugak. Kite pakai timah lain kite buat.

NA : *Kalu* [Kalau] pateri guna tembaga--

MGM : Kita tak *leh* [boleh] buat kite tak tahu cara. Teknik kita dia tak ajar. Kita kepandaian orang-orang tua dulu dia berfikir *dok* [kan]. Nak reka cipta blok kita ni. *Kalu* [Kalau] *macei* [macam] nak buat blok dia *memei* [memang] susah payah sikit lah. Sebab blok dia ada sebulan (bunyi ketukkan) satu blok. Sebulan baru siap blok dia. Tapi sekarang dia tak buat lah sampai *lamo gitu kei* [lama begitu kan]. Panjangnya masa. Blok kita setakat tiga hari je lama *doh wase* [dah rasa]. Dah *boring puah* [bosan puas] dah. Cemuh dah rasa jemu-jemu. (bunyi ayam)

NA : Adakah jenis bahan cantuman untuk dipateri juga memainkan peranan terhadap ketahanan blok batik?

MGM : *Ha* [mengiyakan] itu lah. Ketahanan blok batik ni dia kena pateri betul-betul, betul-betul kuat lah. *Kei* [kan]? Tapi masa kita nak *test* [cuba] blok kita kuat tak masa *pengabisei* [penghabisan] lah *kalu* [kalau] kite nak (bunyi ayam) *sander*

[mesin belt sander] blok lah *kei* [kan]. Kite menggunakan *sander* [mesin belt sander] yang laju tu *kei* [kan]. Jadi *kalu* [kalau] kite pateri blok tu tak kuat *kei* [kan], ye akan *kopak* [rosak] lah dok, ye jadi *kopak* [rosak] maknanya rosak tercabut. Tapi bila kita tengok dia pateri tu tercabut (bunyi ketukkan) kita pateri (bunyi ketukkan) balik lah. Ye akan jadi kuat balik lah (bunyi ketukkan). Jadi kita *check* [pastikan] dekat situ lah. (bunyi motor) Tapi dulu *memei* [memang] kita tak pernah *check* [pastikan] pun. Masa dulu kita *wak* [buat] sistem kikir-kikir. Masa kikir tu *pahtu* [lepasu] kita *masukkei* [masukkan] kita masuk blok masukkan *rosin*[damar] *dale* [dalam] tu semua, dia berpegangan. *Rosin* [damar] ni ye masak dulu macam lilin jugak. Masak kita tuang *dale* [dalam] blok ni pulak *pahtu* [selepas itu] angkat kita kikir. Jadi dia berpegangan semua supaya dia tidak *kopak* [rosak] lah. *Pahtu* [Selepas itu] kita rebus balik *rosin*[damar] tu. Siaplah blok kita. Dulu lah, sistem dulu. (bunyi semawar) *Lenim* [Sekarang ni] kite tukar pada mesin cepatlah sikit kerja. Pada dulu buat empat hari *dok* [kan] sekarang ni kita buat tiga hari *gitu* [begitu] kerana ada mesin. (bunyi ketukkan)

NA : Berapa lamakah pak cik mengambil masa untuk menyiapkan satu tempahan?

MGM : Kebanyakan biasa pak cik buat *dok* [kan] blok tiga hari lah blok tu.

NA : Tiga hari paling cepat?

MGM : Maknanya blok yang pak cik buat ni lebih *kurei* [kurang] tiga hari je lah. Empat hari pun ada tapi dua hari pun ada juga (bunyi kereta) tengok pada bergantung pada *design* [reka bentuk] je lah. Bergantung pada *design* [reka bentuk] kalau *design* [reka bentuk] tu susah, lambat lah. (bunyi ayam) *Kalu* [kalau] dia halus sangat juga, (bunyi burung) halus sangat pun kita buat kajian kalau blok ni kalau buat ni sampai lima hari ni. Tapi kite tak nak pasal apa? Kalau lima hari ni kos dia mahal *pulak kei* [pula kan]. Jadi pak cik pun kena *ejas* [betulkan] *design* [reka bentuk] tu supaya dia menjadi ke blok tiga hari je. *Kadei-kadei* [kadang-kadang] dia *ore* [orang] tak nak juga blok ni terlampau mahal lah. Dia nak blok tu lebih *kurei* [kurang] lah. (bunyi burung) Jadi pak cik buat blok *dale* [dalam] masa tiga hari je, *hok* [yang] biasa lah dua hari pun ada sehari pun ada.

NA : **Apakah peralatan yang digunakan dalam penghasilan Blok Batik? (bunyi burung) Bolehkah pak cik menerangkan dengan lebih detail mengenai fungsi (bunyi ayam) peralatan tu?**

MGM : Peralatan dia kita biasa guna gunting *pahtu* [selepas itu] pelayar muncung halus. (bunyi burung) *pahtu* [selepas itu] tukul, *pahtu* [selepas itu] kita panggil semawar. Biasanya orang buat guna semawar lah untuk menyalakan api. *Pahtu* [Selepas itu] pelita pun kita kena ada juga. Ni peralatan dia lah. Rasa *hok* [yang] tu je.

NA : Adakah (bunyi burung) terdapat sebarang risiko ketika pak cik menggunakan peralatan tu?

MGM : Risiko tu rasanya *tak dok* [tidak ada] lah. Tapi kita nak kena jaga kesihatan kita (bunyi burung) pasal biasanya kita guna bahan dia tu *dok* [kan] (bunyi burung) contohnya asid, asid ni dia -- asid ni dia bahaya lah juga *kiro* [kira] dia dah jadi asap tu *kei* [kan] dia akan masuk melalui pernafasan kite *gape dok* [apa kan]. (bunyi burung) Dia boleh merosakkan paru-paru kita, jadi satu penyakit. Jadi kita kena pakai penutup hidung untuk jaga kesihatan kita, keselamatan juga lah. Tu je lah rasanya.

NA : Berapakah Blok Batik yang telah dihasilkan oleh pak cik setakat ini? (bunyi ayam)

MGM : Setakat ni rasa dua puluh ribu, tiga puluh *ase* [rasa]. Pak cik pun tak pernah *kiro* [kira] tapi anggaran pak cik lebih kurang tiga puluh rasa. Terjual lah maksudnya.

NA : Berapakah harga bagi sebuah blok batik tembaga bercorak biasa pada masa kini?

MGM : *Kalu* [Kalau] (bunyi butung) yang pak cik buat tiga hari *kei* [kan], harga ye *tiga ratus lima puluh* [RM350] harga dia.

NA : Adakah blok batik ini masih mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada masa kini?

MGM : Sambutan tu rasa ada lah kira. Memang sambutan tu banyak *gop* [juga] (bunyi motor) banyak lah. Tapi asal batik-- batik blok ni ye *macei* [macam] turun naik *gitu deh* [begitu lah]. (bunyi burung) *Kadei-kadei* [Kadang-kadang] ada menurun, *Kadei-kadei* [Kadang-kadang] sampai *tak dok kejo* [tidak ada kerja] kita *Kadei-kadei* [Kadang-kadang] banyak *kejo* [kerja] sangat (bunyi burung) sampai tak larat kita nak buat ada juga. Dia *macei gitu* [macam begitu]. Turun naik pasaran tu *lagutu* [begitu]. *Kadei-kadei* [Kadang-kadang] ada, tapi buat masa *loni memei ado* [sekarang memang ada] lah nak kata banyak sangat tu *dok* [tidak] lah. Tapi ada lah tempahan. (bunyi batuk)

NA : Apakah keunikan Kraftangan Blok Batik dengan kraftangan yang lain?

MGM : Kraftangan blok batik ni pak cik rasa (bunyi motor) *memei* [memang] sesuatu yang susah dipelajari. Saya mengambil masa yang sangat lama. Mungkin nak mahir-mahir *macei* [macam] pak cik ni *dok* [kan], mungkin pak cik buat *dale* [dalam] dua tahun baru betul mahir. Pak cik boleh jadi *professional dale* [pakar dalam] pembuatan blok batik ni. *Hok* [yang] tu kita rasa keunikan dia lah kena betul-betul sabar buat blok. Kalau benda lain pok cik rasa *kejap* [sekejap] je belajar. Tapi tu tengok kepada bakat seseorang juga lah. (bunyi ketukkan) Ada setengah *ore* [orang] tu dia belajar cepat pandai, ada *ore* [orang] tu lambat pandai (bunyi ketukkan) *kei* [kan]. (bunyi batuk)

NA : Adakah blok batik ini sesuai dijadikan sebagai cenderamata?

MGM : *Ho* [Ya] ada juga. Pak cik pernah juga (bunyi ayam) masa pak cik buat *gini* [begini], dulu pak cik tak nampak juga *dok* [kan] dulu *pasal* [kerana] blok batik ni (bunyi burung) tak maju *kei macei down* [kan macam menurun] lah masa tu. (bunyi ayam) Pak cik pun *macei* [macam] ada idea *macei* [macam] mana (bunyi ketukkan) kita nak jual pada *ore* [orang] ramai. Kita pun cuba fikir cuba buat. Pak cik pun buat satu blok yang boleh dimasukkan *dale frame* [dalam bingkai]. *Kalu* [Kalau] boleh tengok tu contoh pak cik buat. Tapi *ho gitu* [ya begitu] pak cik buatnya jadi cuba jual (bunyi ketukkan) tapi susah. Ada juga masalah susah *pasal* [kerana] kita jual, *pasal* [kerana] dia *ore* [orang] tak minat pasal benda ni mahal kan. (bunyi ketawa) Jadi benda ni susah kita nak jual *pasal* [kerana] mahal je lah. Dia *ore* [orang] nak beli *barei* [barang] *sepuluh ringgit* [RM10] (bunyi semawar), *dua puluh ringgit* [RM20]. (ketawa) Mungkin *takdok* [tidak ada] duit ke tak tahu lah. (ketawa) Mungkin kita tak pandai nak *promote* [promosi] pun tak pandai nak cari *market* [pasaran]. Ataupun tak cuba lagi cari *market* [pasaran] ke luar negara ke, tak *try* [cuba] lagi. *Pasal* [Kerana] dulu pok cik buat-buat (bunyi ketukkan) masa tu *takdok* [tidak ada] kerja. Tiba-tiba ada kerja pula. Pak cik pun tumpu pada buat blok. Mungkin satu hari dia apa ni tak laku pula blok kita buat ni.

NA : Kebiasaannya berapa lama pak cik mengambil masa untuk menyiapkan blok batik yang dijadikan sebagai cenderamata?

MGM : Sama je.

NA : Adakah terdapat perbezaan antara blok batik yang dijadikan sebagai cenderamata dengan blok batik yang bertujuan mengecop batik?

MGM : Perbezaan nya lain lah. Pasal kalau *dale frame* [dalam bingkai] ni kita tak buat pemegang dia. *Kalu* [Kalau] blok batik yang biasa kita guna ni kita buat pemegang dia *kei* [kan]. Yang tu kita kena buang lah. (bunyi batuk)

NA : Apakah proses yang penting dalam penghasilan Kraf Blok Batik ini?

MGM : Penting *belako dale* [semua dalam] ni. (ketawa) *Kalu* [kalau] tinggal *se* [satu] tak jadi blok batik lah *dok* [kan]? Jadi kita kira semua tu satu blok tu masing-masing ada kepentingan lah. Tapi paling pentingnya pak cik pun susah *nok oyak* [mahu bagitahu]. *Kalu takdok* [Kalau tidak ada] gunting (bunyi ketawa) nak buat *dok* [kan], *dok* [tidak] jadi blok batik. (bunyi budak) Bagi pak cik semua tu penting. (ketawa)

NA : Apakah peralatan yang digunakan pada zaman dahulu untuk mengukir corak pada blok sebelum adanya mesin?

MGM : *Kalu* [Kalau] mengukir ni biasanya blok kayu lah *kei* [kan]. Jadi blok kayu ni pak cik tak berapa mahir sangat. Cuma boleh cerita lah. *Kalu* [Kalau] buat blok batik ni dia biasanya pengukir kayu lah. (bunyi ayam) Dia lukis pada kayu *pahtu ye* [selepas itu dia] pahat lah. Dia pahat-pahat jadi pak cik pun tak tahu lah. Pak cik rasa senang dia sikit *wak* [buat] blok ni (bunyi ayam) cuma dia guna pahat dengan penukul, kayu *dok* [kan]? Lukis pada kayu (bunyi burung) *pahtu* [selepas itu]

pahat, tebuk-tebuk. *Macei* [Macam] ni lah pembuat ukiran kayu. Cara dia buat (bunyi ayam) teknik dia buat.

NA : Menurut pak cik, kenapakah pembuat batik lebih suka blok yang diperbuat daripada kepingan tembaga berbanding besi?

MGM : *Pasal* [Kerana] blok tembaga ni dia, kepanasan dia tu *maintain* [kekal] atau serata *dok* [kan]. *Macei* [Macam] contohnya *kalu* [kalau] besi *dok* [kan], *kalu* [kalau] buat dengan besi ni dia akan sejuk sini, panas sini. Jadi bila cop tu tak menarik. (bunyi burung) *Pahei dok* [Faham tidak]? Satu lagi, blok tembaga ni bila kita celup *dale* [dalam] lilin kan *dok* [kan]. Celup *dale* [dalam] lilin blok tembaga ni (bunyi burung) kita nak letak lambat-lambat pun dia masih panas lagi. Maknanya boleh lekat lagi pada kain. *Kalu* [Kalau] blok besi ni dia cepat sejuk jadi kita kena cepat-cepat letak pada kain. *Pahei* [Faham] lah *dok* [kan]? (ketawa) Itu kelebihan lah blok tembaga.

NA : Kebiasanya tempahan blok batik yang manakah mendapat sambutan daripada luar negara?

MGM : Luar negara ni biasa abstrak lah. (suara mengiyakan) Dia tak berminat ni *bungo-bungo* [bunga-bunga]. (berdehem)

NA : Berapakah harga blok batik pertama yang berjaya pak cik jual?

MGM : Pada *zamei* [zaman] tu tahun 70-an *memei* [memang] murah sangat lah. *Pasal bahei-bahei* [Kerana bahan-bahan] dia pun semua murah, sara hidup pun murah lagi *dok* [kan]? Tak tinggi mana masa tu. Jadi kita jual pak cik ingat-ingat lah satu

blok tu *dale* [dalam] *tiga puluh lima ringgit* [RM35] je. (bunyi burung) Masa tu pun *takpo* [tidak mengapa] lah makanan murah. Nasi berlauk pun lima puluh sen *gitu* [begitu] je *dok* [kan]. *Kalu* [Kalau] tahun 70-an pak cik ingat berapa puluh sen je nasi berlauk, tahun 70-an (bunyi ketawa). Jadi sesuai lah *dok* [kan] *tiga puluh lima ringgit* [RM35] tu blok tu kita boleh hidup mewah dah, zaman tu. Tapi *loni* [sekarang ini] *tiga ratus lima puluh* [RM350] *tak leh* [tidak boleh] hidup mewah lagi (ketawa) *macei-macei* [macam-macam] kena beli *dok* [kan]. Nak beli baru *sokmo* [sentiasa]. *Handphone* [telefon] lah, dulu mana ada *handphone kei* [telefon kan]. (ketawa)

NA : *Kalu* [Kalau] zaman dulu pak cik *promote* [promosi] produk pak cik tu dengan macam mana?

MGM : Dulu *memei* [memang] kita carilah, kita cari. Masa tu pembuat batik ni ramai. Pembuat batik blok ni ramai. *Area* [Kawasan] tempat batik kerja tu dekat dengan sepuluh pengusaha batik ni. Jadi kita buat *design je* [reka bentuk sahaja] siap tunjuk-tunjuk ke dia. Dulu kita ada pengusaha batik tiga ke empat *ore* [orang] pun kita boleh buat yang dia sahaja. (bunyi ayam) Dulu banyak tempahan *pasal* [kerana] dulu mungkin blok murah. *Loni nak* [sekarang hendak] buat sebiji pun diorang ketar dah tangan (ketawa). Ha *gitu* [begitu]. *Hak* [Yang] tu jadi masalah *jugak* [juga]. (ketawa)

NA : Adakah blok batik ini menjadi identiti dan tradisi pada mulanya di negeri Kelantan?

MGM : Ha ya lah *memei* [memang]. *Pasal* [Kerana] dulu *kei* [kan] kite *tak dok* [tidak ada] kemasukkan kain itu *tak dok* [tidak ada] lah zaman dulu. Tak macam zaman sekarang ni. Zaman dulu mana ada masuk kain pakai mesin. Semua tu diorang buat dengan batiklah, kebanyakan dengan batik. (bunyi motor) Daripada situlah masuk sikit cara buat dengan mesin maksudnya *tekstile* [tekstil]tu lah *kei* [kan]. Jadi kebanyakan (bunyi ketukkan) *ore* [orang] suka pakai batiklah. Sebab tu batik zaman tu maju pun *dok* [kan]. Kalau kita buka almari ibu kita kan semua batik. Ha *gitu* [begitu] maksudnya. (ketawa) Sekarang ni buka almari batik sehelai dua helai je. (ketawa) Yang isteri pun macam itu juga.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: PENUBUHAN BENGKEL

NA : Adakah pak cik telah menubuhkan bengkel sendiri?

MGM : Bengkel tu *dale* [dalam] bantuan (bunyi semawar) daripada kerajaan lah maksudnya daripada kraftangan. Kraftangan ni dia bantu pak cik lah pasal benda ni sebenarnya masa tu dah ekonomi *down kei* [menurun kan]. Blok batik pun *macei* [macam] nak pupus zaman tu. Jadi dia terpaksa bila sesuatu nak pupus ni kerajaan kena ambil tahu lah kena menolong kan. Contohnya wayang kulit kan. Dia seni ke arah *gitu dok* [begitu kan]. Mokyong tu, dia bantu. Kerajaan akan tolong dia. Nak perhidupkan balik benda *hok* [yang] dulu-dulu. Suka pak cik, pak cik dalam bidang kraf. (bunyi ayam) Kalau benda nampak nak pupus ke apa, dia akan tolong bantu kita. Dia bantu, dia bagi bengkel. Dulu kita buat kerja bawah rumah je di Kampung Sungai Bodor. Jadi buat bawah rumah ye tengok, ye nak tolong kita dengan bengkel boleh cari pekerja lah. Jadi kebanyakan bengkel ni bantuan daripada dia lah. *Pasal* [Sebab] bengkel ni dibuat kat sini *pasal* [kerana] pak cik kahwin dengan *ore* [orang] sini. Tanah pak cik *tak dok* [tidak ada] sana sini ada tanah milik isteri pak cik lah. Jadi ada sikit dia kata dia tengok apa sesuai lah maksudnya tempat buat bengkel ni. (bunyi orang bercakap) Jadi, dia pun ada *ore* [orang] suruh mari buat bengkel. Sumbangan duit (bunyi ayam) kerajaan lah.

NA : Kiranya modal bengkel ni daripada kerajaan?

MGM : *Ha* [Ya] daripada kerajaan.

NA : Bilakah bengkel pak cik ditubuhkan?

MGM : Ditubuhkan bengkel ini pada tahun 2007, 2-0-0-7.

NS : Berapa modal yang kerajaan ada bagi?

MGM : Dia tak bagitahu pulak berapa modal. Tapi boleh agaklah masa tu lebih *kurei lima belas ribu* [kurang RM15 000] lah tak mahal pun zaman tu. Tahun berapa dah.

NA : Kiranya bengkel ni semua macam kerajaan tubuhkan yang siap untuk pak cik dah?

MGM : *Ha* [Ya] semua ni. *Company* [Syarikat] dia akan buat. Dia buat-buat, dia bayar ke pembuat tu pak cik terima benda siap dah. (bunyi mengiyakan) Mesin-mesin pun dia bagi juga. Mahal jugak ni. Dia bagi kita *tak dok* [tidak ada] duit.

NS : Berapa satu mesin tu?

MGM : *Empat ribu* [RM4000] ke *lima ribu* [RM5000].

NA : Mesin ni daripada awal-awal dulu kerajaan bagi?

MGM : *Buke* [Bukan], dia bagi masa wujudnya (bunyi burung) bengkel ni. Dia tanya pula berapa bahan yang nak. Semua bantuan kebanyakan daripada kerajaan lah. Dia cari pasaran ke apa semua kan. Kita, dia ni *suh* [suruh] kita *wak* [buat]. Dia *suh* [suruh] kita buat satu ciptaan. Masa tu *memei tak dok* [memang tidak ada] pasaran lah. Lepas itu kita buat demonstrasi, pembeli mari pembatik campur-campur situ kan. Dia ore [orang] *contact* [hubung] kita lah. Dulu kite susah pun nak cari apa ni (bunyi burung) pasaran masa ekonomi *down* [menurun] tu lah. (bunyi ketukkan)

NA : **Bengkel ini dikenali sebagai apa kalau orang luar nak tahu?**

MGM : Bengkel ni. Bengkel (bunyi burung) pembuat blok batik.

NA : **Berapakah tenaga kerja yang pak cik ada?**

MGM : Sekarang ni pak cik ada satu *ore* [orang], tiga, empat *ore* [orang]. Pak cik *ginim* [begini]--*Ye* [dia] bukan kerja tempat pak cik. Dia, dia pandai dah dulu ye belajar dengan pak cik apa semua kan. Jadi dia buat dekat umah dia lah, (bunyi suara budak) buat dekat umah dia. Jadi pak cik-- kata lah pak cik *wak design gini kei* [buat reka bentuk begini kan] pak cik pun *wak gi* [buat pergi] ke dia. Dia pun bentuk-bentuk kan dia susun *gini* [begini], pak cik ambik yang dia bentuk ni pak cik *wak gi* [buat pergi] pula tempat *ore* [orang] yang pandai pateri. (mengiyakan) Dia pateri-pateri siap dah, dia *atar* [hantar] balik ke pak cik. Pak cik pun buat *pemege* [pemegang] apa sander. Yang tu *kejo* [kerja] pak cik nya. Jadi ada *dale*

[dalam] empat *ore* [orang] lah pembantu pak cik. Itu pun ikut pada banyak tempahan lah. Kalau *takdok* [tidak ada] tempahan kan lah kita, dia pun senyap sebab dia ada kerja lain. Bukannya kata dia tumpu kepada *wak* [buat] blok ni kan. Dia kerja lain *male-male* [malam-malam] baru dia buat. Kalau nak tumpu ni seratus peratus *memei* [memang] tak jadi.

NA : Pekerja pak cik tu laki [lelaki] ke puan [perempuan]?

MGM : *Laki belake* [Lelaki semua].

NA : Selama pak cik ngajar [mengajar] blok batik ni ada ke pelajar yang perempuan?

MGM : Ada. Pelajar ada. Tapi pelajar perempuan ni dia *macei* [macam] susah sikit dia. *Pasal kadei-kadei* [Kerana kadang-kadang] kita ada tempat berat, berat dia nak buat. Tapi ada juga lah. Kita kena banyak tolong dia. Jadi dia boleh buat, pateri ke boleh buat. Tapi nak buat tempat tangkal pemegang dia susah sikit. *Pasal* [Sebab] ye memerlukan tenaga untuk bengkokkan benda ni lah. Jadi kena mintak bantuan daripada lelaki juga lah nak buat. (bunyi burung) Ha *lagutu* [begitu]. Ada, kita ada *sore* [seorang]. Tapi *macei* [macam] dia buat kerja *tak leh* [tidak boleh] buat seratus peratus lah kan. Dia *tak leh* [tidak boleh] nak buat blok batik ni, tak sudah. Kena cari *ore* [orang] juga tolong dia bantu dia.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: CABARAN

NA : Apakah pengalaman manis pak cik sepanjang dalam bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Pengalaman *deh* [ya], pak cik *oyak gini* [bagitahu begini] lah. Pengalaman pak cik *dok* [kan] dulu masa pak cik buat demonstrasi pada tahun 2013 *kei* [kan], pak cik buat demonstrasi tiba-tiba kraftangan *wak* [buat] (bunyi burung) anjuran pertandingan bahan-bahan apa yang kita buat lah contohnya blok batik. Jadi kebetulan pak cik *gi* [pergi] pak cik bawa bahan-bahan *gini* [begini] lah, tapi pak cik buat benda tu bukan burung *gini* [begini] dia Allah Muhammad [tulisan jawi] *ye* [dia] satu *frame gitu* [bingkai begitu]. Selepas itu, pak cik sadur emas lah comel lah kira. Pak cik *try tanding* [cuba bertanding] mana tahu nak menang kan. Pak cik pun cuba masuk barang-barang pak cik dalam bertanding. Dia banyak kategori lah. (suara budak) Masa tu *tanding* [bertanding] pak cik *dale* [dalam] bidang (bunyi ketukkan) kategori logam *ore* [orang] panggil. Batik ada, kayu ada jugak *se* [satu] lagi pak cik tak ingat *gapo* [apa] dia empat kategori rasanya. Tiba-tiba pak cik boleh dapat nombor tempat pertama. *Hok* [Yang] itu pak cik rasa suka lah maknanya. (ketawa) Kenangan manis tu kan. Kita ingat sampai *loni* [sekarang]. Kenangan manis pak cik *gitu* [begitu] lah.

NA : Apakah cabaran yang dihadapi pak cik sepanjang menceburi bidang Kraf Blok Batik?

MGM : Cabaran sebenarnya (bunyi semawar) *kade-kade* [kadang-kadang] kita (bunyi budak) bila kita fikir-fikir kita putus asa kan. (bunyi semawar) Tapi sebenarnya kita *tak dok* [tidak ada] cara lain dah. Putus asa ni kita kena tinggal *belake dok* [belakang kan]. *Kade-kade* [kadang-kadang] kita jual blok pun orang kata mahal *kei* [kan]. Tapi kita *takleh* [tidak boleh] nak jual murah dah *pasal* [kerana] barang dia mahal dah, kalau hidup pun tinggi. (bunyi burung) Cabaran kita ni nak murah, jadi masalah ke kita ni kan. Kita terpaksa bertahan lah ikut mana pun. Kalau *takdok ore* [tidak ada orang] nak beli juga blok batik, pak cik akan buat batik lah suatu masa. Sebab pak cik boleh buat batik, bukan *takleh* [tidak boleh] buat batik. (bunyi burung) Cuma pak cik *mikir* [fikir] (bunyi ketukkan) kalau kita tak buat blok batik ni kan *sape* [siapa] dia lah nak buat blok batik. Sedangkan blok batik ni pembatik nak buat. *Takdok ore* [Tidak ada orang] dah nak buat kan, jadi kena *mikir gitu* [fikir begitu]. (bunyi ketukkan) Tapi pada dia *ore* [orang] tak nak buat juga, pembatik ni susah juga. *Ye* [dia] kalau tak buat blok batik, (bunyi ketukkan) dia akan buat batik lukis tu. Jadi kita *takleh* [tidak boleh] nak pegang dia (bunyi semawar). Dia boleh *control* [kawal] kita. (ketawa) Contohnya tangga lah kita *dijiret-jiret* [dipijak-pijak] nak naik atas. Kita ni bersandar dah lah (ketawa) *ho gitu* [ya begitu]. Cabaran *ye gitu pahtu* [dia begitu selepas itu] bahan-bahan dia. Bahan-bahan dia *payah* [susah] juga *lenim* [sekarang ini] contohnya (bunyi ketukkan) tembaga kan, tembaga ni dia ada nombor enam *se* [satu]. Nombor enam ni biasa kita biasa guna *ye* [dia] lembut senang kita buat kerja. *Pahtu* [Selepas itu] hilang habis barang ni *ye* ada nombor lapan, nombor lapan ni tebal susah kita nak buat kerja. Tu cabaran-cabaran kita lah. Jadi kita kena fikir, kena kreatif sikit macam mana nak perlembut tembaga. Mujur lah pak cik ada mesin. (bunyi

burung) Pak cik giling-giling lah supaya jadi saiz nombor enam. (bunyi burung)
Barulah boleh buat kerja. Tapi harga barang *memei* [memang] naik-naik selalu.
Sekali *gi* [pergi] beli naik, sekali *gi* [pergi] beli naik, pening tu satu cabaran lagi.
(ketawa)

NA : Adakah terdapat cabaran yang pak cik hadapi sepanjang negara mengalami Covid-19?

MGM : Dalam covid-19 ni alhamdulillah, *takdok* [tiada] cabaran sangat lah. Tapi ada *dale* [dalam] tak banyak. Katalah kita biasa hari seratus peratus jualan kan, dia *down* [menurun] (bunyi burung) *dale* [dalam] tujuh puluh peratus *gitu* [begitu] lah. Tapi boleh bergerak lagi lah. Selepas itu masa kita kena covid, kerajaan tolong pula. (ketawa) Tolong pula bagi duit sikit *pasal* [sebab] susah masa covid. Bagi bantuan sikit *takse oyak* [tidak perlu bagitahu] lah sikit je. (ketawa)

NA : Bagaimanakah pak cik mengatasi cabaran tersebut?

MGM : Cabaran dia *takdok* [tidak] banyak mana lah. Setakat tu je boleh *oyak* [bagitahu], *takdok* [tiada] masalah mana. (bunyi burung) *Kade* [kadang] kita dengar orang lain banyak masalah kan, sampai *takleh* [tidak boleh] jual. Tapi pak cik alhamdulillah, *pasal* [sebab] pak cik boleh bergerak ni *pasal* [sebab] (bunyi ketukkan) boleh jual online *gitu* [begitu] (bunyi suara budak) lah Facebook. (bunyi budak) Jadi orang sebelah luar pun, ye pun boleh buat kerja juga bukannya *takleh*

[tidak boleh] buat kerja. Sambil-sambil dia jual online juga. Jadi bergerak lah (bunyi burung) *gane-gane* [macam mana] bergerak juga. Bagi pak cik lah orang lain kita tak tahu lah setara mana dia *ore* [orang].

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: HARAPAN

NA : Apakah harapan pak cik terhadap Kraf Blok Batik?

MGM : Harapan pak cik *dok* [kan], kalau boleh kita nak contohnya pada zaman pak cik dulu pembuat blok batik ni ramai lah *dok* [kan]. Mungkin ada pembuat blok batik ni tak sampai lima puluh orang. Jadi *lenim* [sekarang] pengusaha blok batik ni *takdok* [tiada]. Paling ramai pak cik rasanya keluarga pak cik ni *kei* [kan]. Baru ni ada di Terengganu *dok* [kan], sekarang ni ada sorang je pengusaha blok batik. Baru dua tiga hari meninggal *takda* [tidak ada] dah pupus dah. Di Terengganu *takda* [tidak ada]. *Lenim* [Sekarang] pembatik dia *dok* [tengah] mungkin cari pak cik lah. Dulu dia cari pengusaha Terengganu tu. Jadi harapan pak cik kalau boleh ramai lagi pembuat blok batik ni dari kalangan anak-anak muda. (bunyi budak) Tapi insyaAllah lah, moga anak saya ni kita ada pengganti dah kalau pak cik *takdok* [tiada] dah suatu masa. (ketawa)

NA : Bagaimanakah Kraf Blok Batik ini boleh dipelihara pada masa kini?

MGM : Penjagaan tu biasa dia semua ni rasa-rasa, penjagaan ni dia kena daripada pengusaha batik sendiri sebenarnya. Dia tu sepatutnya kena jaga kita lah. Kalau kita nak jual blok tu harga tinggi, dia sepatutnya kena beli juga lah. Dia *macei* [macam] nak tolong kita. Itulah penjagaan yang sebenarnya. Maknanya pihak pembuat blok batik tu yang kena jaga kita. Kalau dia tak jaga kita, *tokse* [tidak mahu] beli blok lah, *tokse* [tidak mahu] buat blok la, sayang duit nak buat blok *kei*

[kan], kita pun jadi *takde* [tiada] kerja. *Takdok* [tidak ada] kerja kita pun akan pupus lah *takde* [tiada] penjagaan lah situ.

NA : Apakah nasihat atau motivasi yang ingin pak cik katakan kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang Kraf Blok Batik ini?

MGM : Motivasi ni kalau *macei* [macam] biasalah lah kan, (bunyi motor) kalau dia pelajar ni *dok* [kan] dia daripada kraftangan *kadei-kadei* [kadang-kadang] dia anjur. Pak cik pun susah juga nak cari pekerja ni atau pelajar ni. *Pasal* [Sebab] bila dia mari belajar *kei* [kan], dia nak mari belajar dia nak dah *lima puluh ringgit* [RM50] sehari. (bunyi motor) Dia nak *lima puluh ringgit* [RM50] dah, dia sekarang ni buat kerja (bunyi motor) tak keluar pun hasil kerja tangan dia *lima puluh ringgit* [RM50]. Pak cik *dokleh* [tidak boleh] nak bagi *lima puluh ringgit* [RM50] *kei* [kan]. Dia kena *makan* [ambil] masa kerja. Jadi pak cik *dokleh* [tidak boleh] nak ambil dia kerja, dia kena ada pertolongan daripada kerajaan. Kerajaan dia pernah kraftangan ni “*mg wi* [bagi] ke pelajar ni seribu dua ratus [RM1200] untuk sebulan”. *Ye* [dia] mari belajar 20 hari sebulan seribu dua ratus [RM1200] besar lah.

NA : Kiranya kita kena bayar ke dia mari belajar?

MGM : *Dok* [tidak], kerajaan yang bayar. Pak cik pun dia bagi jugak upah *ngajar* [mengajar] saja lah kan. Jadi bila dia belajar ni, masalahnya bila kita tanya lepas

ni nak buat tak kerja dengan kita. Nak lah dia kata. Dia nak dia kata. Tapi setelah dia belajar apa semua, *kadei-kadei* [kadang-kadang] kita nak ambik dia kerja dengan kita kan kerja tangan dia pula tak comel. Jadi kita *takleh* [tidak boleh] nak ambil. Kalau kita suruh dia buat ada satu *ore* [orang] kata susah lah *macei-macei* [macam-macam]. Tapi bila ada yang pandai, kita kira kita nak dia suruh dia tolong kita buat kerja. Dia pula *tokse* [tidak mahu], masalah begitu pula. Dia kata kerja ni susah lah lambat lah (bunyi burung) *macei-macei* [macam-macam]. Dia akan cari kerja lain pasal kerja lain banyak luar tu. *Bermacei-macei* [bermacam-macam], dia *gi* [pergi] kerja hari ini dekat minyak misal kate contohnya kan. Boleh dah *dua puluh ringgit* [RM20]. Kalau dekat sini tak boleh lagi. Jadi susah kita ajak kerja. Mula-mula nak jaga, pak cik pun jadi pening. Cumanya bila pak cik jaga, anak-anak pak cik jelah. Bagi semangat ke dia supaya dia boleh meneruskan perjuangan pak cik selama ni. (bunyi ketukkan) Kalau orang lain pak cik rasa payah dia nak berusaha ke arah ni. Tapi tak tahu lah suatu masa, akan ada *hok* [yang] minat dan sabar serupa pak cik ni kan. Suatu masa takut ada, *takleh* [tidak boleh] kata juga kan. (ketawa)

NA : Pada pandangan pak cik, apakah sikap yang perlu diutamakan untuk menjadi seorang pembuat blok batik ini?

MGM : (bunyi kapal terbang) Kalau nak buat blok batik ni sekurang-kurangnya boleh melukis, (bunyi semawar) pandai melukis supaya kita boleh reka corak *bermacei-macei* [bermacam-macam]. Kalau boleh buat kerja tu kan, boleh pandai buat blok.

Kesabaran tu kena tinggi lah kan, kerajinan tu kena rajin lah. Berusaha lah kita kata, rajin. (bunyi burung)

NA : Maka berakhirlah wawancara kita. Terima kasih banyak pada encik sebab sudi meluangkan masa untuk kami wawancara. Jadi, kami minta maaf kepada encik kalau ada salah silap sepanjang wawancara ini. Terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN 8

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
0.02	Pengenalan tentang nama dan tujuan kedatangan penemubual ke bengkel pembuatan blok batik yang dimiliki oleh Md Ghani bin Mat	Nur Asyikin binti Saidi Nur Shafiqah binti Asmawi Md Ghani bin Mat Bengkel UiTM
0.37	Pengenalan diri Md Ghani bin Mat	Md Ghani bin Mat Nama panggilan Pok Ghani atau Pok Su Ghani
1.14	Tempat lahir dan 56ataka lahir Md Ghani bin Mat	Pasir Mas 23 Disember 1956
1.36	Md Ghani bin Mat menceritakan alam perkahwinan dan latar belakang isterinya	Rohani binti Mamat Umur 56 tahun Suri rumah tangga
1.59	Md Ghani memberitahu bilangan anak dan adik-beradiknya	5 orang anak 5 orang adik-beradik Anak yang ketiga
2.16	Md Ghani bin Mat memberitahu nama ayah dan ibunya	Mat bin Ismail Cik Aminah binti Haji Abdullah
2.31	Md Ghani bin Mat memberitahu cita-citanya	Berjaya dalam hidup

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN		
2.47	Md Ghani bin Mat menceritakan tempat beliau mendapat pendidikan	Sultan Ibrahim Primary School Pasir Mas
3.12	Md Ghani menceritakan subjek kegemaran beliau	Seni

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL		
3.34	Md Ghani bin Mat menceritakan pengalaman kerjaya pertama beliau selepas tamat pergajian	Blok batik 70-an Kampung Sungai Bodor Pasir Mas Kota Bharu
4.50	Md Ghani menceritakan gaji yang diperolehi semasa pekerjaan pertama	RM 5.00
5.06	Md Ghani menceritakan pengalaman beliau mendapat tawaran bekerja sebagai pembuat blok batik	Melukis Kampung Ulu Lungai

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 4: KERJAYA		
6.22	Md Ghani bin Mat memberitahu tahun beliau dilantik Adiguru Kraf Blok Batik	2011
6.38	Md Ghani bin Mat menceritakan 58ataka yang mendorong beliau mendalami bidang Kraf Blok Batik	minat melukis mahir
7.28	Md Ghani bin Mat menceritakan umur beliau semasa mula menceburi dan pengalaman beliau dalam pembuatan blok batik	Mula menceburi umur 15 tahun Pengalaman dalam 47 tahun
8.01	Md Ghani bin Mat menceritakan rahsia kejayaan beliau dalam blok batik	minat kesabaran kesungguhan
8.22	Md Ghani bin Mat menceritakan anugerah dan sumbangan beliau dalam Kraf Blok Batik	Adiguru Kraf Blok Batik Mengajar

8.58	Md Ghani bin Mat menceritakan latar belakang guru yang beliau pelajari untuk membuat blok batik	Pengusaha blok batik Kampung Ulu Lengai Muhammad Zain Ali 15 orang
9.40	Md Ghani bin Mat menceritakan penglibatan beliau dalam dan luar negara dalam pembuatan blok batik	Kelantan Indonesia
10.28	Md Ghani bin Mat memberitahu platform yang beliau gunakan untuk mempromosi produk	Facebook Anak beliau yang menguruskannya
10.56	Md Ghani bin Mat menceritakan idola beliau 59 ataka menceburi bidang blok batik	Nik Nor
11.44	Md Ghani bin Mat memberitahu ahli keluarga beliau yang ada terlibat dalam kraf blok batik	Adik Pak Cik Ghani Pengusaha Batik 2 orang lelaki Sulung, Muhammad Ery Azri, 34 tahun Ketiga, Muhammad Adi Adli, 27 tahun

12.41	Md Ghani bin Mat menceritakan sokongan dan harapan beliau untuk mengajar	Abang galakan pandai melukis
13.28	Md Ghani bin Mat memberitahu bilangan jualan sehari dalam blok batik	10 blok sebulan

NAMA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG BLOK BATIK		
15.12	Md Ghani bin Mat menceritakan latar belakang blok batik dan cara pembuatannya	Mesin belt sander lilin Bunga raya Bunya mawar abstrak
20.23	Md Ghani bin Mat menceritakan pembuatan dan tempahan yang di buat oleh beliau	Indonesia Thailand England Jabatan Kraftangan Malaysia Pihak penjara

28.48	Md Ghani bin Mat memberitahu peralatan yang digunakan dalam blok batik	gunting pelayar muncung halus semawar pelita
30.21	Md Ghani bin Mat memberitahu harga blok batik yang dijual kini	RM 350

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 6: PENUBUHAN BENGKEL		
40.83	Md Ghani bin Mat menceritakan penubuhan bengkel beliau sendiri	Bantuan kerajaan Kampung Sungai Bodor 2007 modal RM 15 000
43.34	Md Ghani bin Mat memberitahu harga mesin dan bahan yang digunakan	RM 4000 RM 5000 kerajaan

44.31	Md Ghani bin Mat memberitahu bilangan tenaga pekerja di bengkel	4 orang lelaki
-------	---	----------------

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 7: CABARAN		
48.15	Md Ghani bin Mat menceritakan pengalaman manis semasa dalam bidang Kraf Blok Batik	Demonstrasi 2013 bertanding menang
49.31	Md Ghani bin Mat menceritakan cabaran 62ataka menceburi bidang blok batik dan cara mengatasinya	Harga Covid-19

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 8: HARAPAN		
53.17	Md Ghani bin Mat memberitahu harapan beliau dalam Kraf Blok Batik	pengganti dipelihara

54.49	Md Ghani bin Mat memberitahu harapan beliau terhadap generasi muda dan sikap yang perlu ada	kesabaran kerajinan
-------	---	------------------------

GLOSARI

Abstrak	Berkaitan dengan reka bentuk atau gambaran fizikal sesuatu karya seni atau seni bina yang diolah secara tidak nyata daripada sumber asal. Abstrak juga berkaitan dengan kematangan seseorang pelukis iaitu boleh dilihat berdasarkan ciri – ciri lukisannya.
Batik	Kain yang bercorak (dilukis atau diterap dengan lilin dan dicelup).
Halus	Tidak besar (kasar), kecil – kecil
Mesin Sander	Mesin sander adalah mesin amplas yang digerakkan dengan daya listrik untuk menghaluskan permukaan benda yang terbuat daripada logam, kayu atau beton atau dinding, dengan lebih cepat dan efisien. Material abrasif amplas dapat digunakan untuk meratakan permukaan benda yang tidak rata agar dapat dikerjakan untuk tujuan pekerjaan.
Seni	Karya yang dicipta dengan bakat, hasil daripada sesuatu ciptaan dan kebolehan mencipta dan kebolehan mencipta sesuatu yang indah. Seni ini juga adalah halus iaitu kehalusan pelukis dalam melukis corak – corak yang berseni.
Tembaga	Logam berwarna merah dan digunakan untuk membuat dawai, periuk dan lain – lain. Kuning aloi daripada tembaga dan zink, kuningan, loyang, timah dan gangsa. Putih aloi daripada campuran timah putih dan timah hitam.

Tekstil	Tekstil merupakan bahan fleksibel yang diperbuat daripada tenunan benang. Tekstil dibentuk dengan cara penyulaman, penjahitan, pengikatan, dan cara pressing.
Semawar	Dapur kecil (yang menggunakan minyak dan angin untuk menyalakan api)

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00 ptg – 4.00 ptg	30 October 2022	Pemberian tugas	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil kira semua aspek dan syarat-syarat yang perlu diikuti dalam melakukan tugas ini dengan sempurna.
9.00 pg – 11.30 pg	8 November 2022	Pemilihan Tajuk	<ul style="list-style-type: none"> Setelah berbincang dan sedikit pencarian di dalam Internet, kami mengambil keputusan untuk memilih tajuk Kraftangan Blok Batik kerana merasakan topik ini dapat menarik minat orang ramai.
9.00 pg – 12 tnghr	16 November 2022	Mencari maklumat yang lebih terperinci mengenai kisah di sebalik Kraftangan Blok Batik	<ul style="list-style-type: none"> Mencari maklumat pencarian di Internet mengenai Kraftangan Blok Batik.
2.30 ptg – 3.00 ptg	21 November 2022	Memaklumkan kepada pensyarah mengenai tajuk pilihan	<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan kepada pensyarah mengenai tajuk yang dipilih dan menjelaskan tajuk yang dipilih dengan tugas yang diberi oleh pensyarah.
10.00 pg – 2.00 ptg	30 November 2022	Mencari calon untuk ditemuramah	<ul style="list-style-type: none"> Mencari calon untuk di temuramah di laman

			<p>sesawang Kraftangan Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kami mendapatkan nombor telefon penemuramah yang dikenali sebagai Encik Md Ghani bin Mat. • Kami menghubungi Encik Md Ghani bin Mat untuk mendapatkan persetujuan beliau untuk di temuramah. • Kami berbincang dengan Encik Md Ghani bin Mat untuk mendapatkan maklumat dan menetapkan 67ataka, masa dan tempat untuk melakukan temuramah. • Setelah berbincang, kami dan Encik Md Ghani telah mencapai persetujuan dalam menetapkan 67ataka, masa dan tempat untuk sesi temuramah nanti.
2.00 ptg – 6.00 ptg	14 December 2022	Penyediaan soalan temuramah	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menunjukkan set soalan yang akan ditanyakan kepada penemuramah kepada pensyarah bertujuan untuk membetulkan jika

			terdapat kesilapan dengan soalan yang ingin diajukan.
3.00 ptg – 5.30 ptg	12 Januari 2023	Sesi temuramah	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan berlaku di bengkel penemuramah sendiri di Kampung Chenderong Batu.
2.30 ptg	20 Januari 2023	Draf pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar draf yang pertama kepada pensyarah.
9.00 pg – 4.00 ptg	29 Januari 2023	Sambungan pelaksanaan tugas	<ul style="list-style-type: none"> • Menyambung melaksanakan dan menyiapkan transkrip penuh untuk dibukukan.
	14 Februari 2023	Penghantaran buku transkrip penuh	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar buku transkrip penuh kepada pensyarah.

SENARAI SOALAN

A. LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh encik?
2. Apakah nama gelaran encik?
3. Berapakah umur encik sekarang?
4. Bilakah tarikh lahir encik?
5. Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
6. Adakah encik sudah berkahwin?
7. Apakah nama isteri encik?
8. Apakah pekerjaan isteri encik?
9. Berapa umur isteri encik?
10. Berapakah bilangan anak encik?
11. Berapakah bilangan adik-beradik encik?
12. Encik anak yang keberapa?
13. Apakah nama penuh ayah dan ibu encik?
14. Apakah cita-cita encik sebelum menceburi bidang blog batik ini?

B. PENDIDIKAN

15. Dimanakah encik bersekolah rendah dan menengah dahulu?
16. Adakah mata pelajaran Seni antara subjek yang encik minat di sekolah?

C. KERJAYA AWAL

17. Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh encik selepas tamat pengajian?
18. Tahun bilakah encik memulakan pekerjaan pertama?
19. Berapa lamakah encik bekerja dalam bidang tersebut?
20. Dimanakah pekerjaan pertama tersebut?
21. Apakah nama tempat kerja yang mula-mula encik bekerja?
22. Berapakah gaji yang encik perolehi daripada pekerjaan tersebut?
23. Pernahkan encik mendapat tawaran bekerja sebagai pembuat blok batik?

D. KERJAYA

24. Pada tahun bilakah Encik dilantik sebagai Adiguru Kraf Blok Batik?
25. Apakah faktor yang mendorong Encik untuk mendalami lebih mendalam bidang Kraf Blok Batik?
26. Pada tahun bilakah encik mula menceburi bidang Kraf Blok Batik?
27. Berapa lama kah pengalaman encik dalam pembuatan blok batik?
28. Apakah rahsia kejayaan Encik dalam bidang Kraf Blok Batik?
29. Apakah anugerah yang Encik dapat sepanjang menceburi bidang Kraf Blok Batik?
30. Apakah sumbangan Encik sepanjang menceburi bidang Kraf Blok Batik?
31. Daripada siapakah encik mempelajari ilmu blok batik ini?
32. Pernahkah encik mencapai penglibatan ke peringkat kebangsaan atau antarabangsa?
33. Apakah platform yang digunakan untuk encik mempromosikan produk?

34. Siapakah yang menguruskan platform tersebut?
35. Siapakah idola Encik ketika mula menceburi bidang Kraf Blok Batik?
36. Adakah terdapat antara adik beradik encik yang terlibat dalam blok batik?
37. Adakah terdapat antara anak encik yang juga menceburi bidang Kraf Blok Batik?
38. Bolehkah encik bagitahu nama anak encik tersebut?
39. Berapakah umur anak encik?
40. Adakah ahli keluarga encik memberi sokongan ketika mula - mula menceburi bidang Kraf Blok Batik?
41. Adakah encik akan membuka peluang kepada anak muda di luar sana yang ingin mengenali kraf blok batik ini dengan lebih mendalam?
42. Adakah antara pelajar encik itu yang menjadi pengusaha blok batik sekarang?
43. Berapakah bilangan jualan dalam sehari yang dari penghasilan blok batik?

E. LATAR BELAKANG BLOK BATIK

44. Bolehkah encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pembuatan blok batik?
45. Apakah jenis-jenis corak blok batik yang boleh dibuat?
47. Adakah penghasilan blok batik ini susah dalam pembuatannya?
48. Bagaimanakah encik mencari idea untuk membina sesuatu corak itu? Adakah corak-corak batik yang direka mempunyai unsur-unsurnya tersendiri?
49. Bagaimanakah penerimaan rakyat Malaysia terhadap industri kraftangan blok batik pada zaman dahulu?

50. Adakah pembuatan blok batik ini hanya dibuat di Malaysia?
51. Adakah encik menerima tempahan daripada pelanggan dari dalam atau luar negara?
52. Adakah terdapat jabatan atau agensi yang membuat tempahan blok batik?
53. Dimanakah encik mendapat bahan-bahan untuk membuat blok batik ini?
54. Apakah berbezaan apabila kita menggunakan blok besi atau blok kayu untuk terapan?
55. Adakah blok batik ini sukar untuk dijaga dari segi penjagaan?
56. Apakah kebiasaan kerosakan yang berlaku pada blok batik?
57. Adakah jenis bahan cantuman untuk dipateri juga memainkan peranan terhadap ketahanan blok batik?
58. Berapa lamakah encik mengambil masa untuk menyiapkan satu tempahan?
59. Apakah peralatan yang digunakan dalam penghasilan kraf Blok Batik?
60. Bolehkah encik menerangkan dengan lebih detail mengenai fungsi setiap peralatan?
61. Adakah terdapat sebarang risiko semasa menggunakan peralatan tersebut?
62. Berapakah Blok Batik yang telah dihasilkan oleh Encik setakat ini?
63. Berapakah harga bagi sebuah blok batik tembaga bercorak biasa pada masa kini?
64. Adakah blok batik ini masih mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada masa kini?
65. Apakah keunikan Kraftangan Blok Batik dengan kraftangan yang lain?
66. Adakah blok batik ini sesuai dijadikan sebagai cenderamata?

67. Kebiasaannya berapa lama encik mengambil masa untuk menyiapkan blok batik yang dijadikan sebagai cenderamata?
68. Adakah terdapat perbezaan antara blok batik yang dijadikan sebagai cenderamata dengan blok batik yang bertujuan mengecop batik?
69. Apakah proses yang penting dalam penghasilan Kraf Blok Batik ini?
70. Apakah peralatan yang digunakan pada zaman dahulu untuk mengukir corak pada blok sebelum adanya mesin?
71. Menurut encik, kenapakah pembuat batik lebih suka blok yang diperbuat daripada kepingan tembaga berbanding besi?
72. Kebiasanya tempahan blok batik yang manakah mendapat sambutan daripada luar negara?
73. Berapakah harga blok batik pertama yang berjaya encik jual?
74. Bagaimanakah cara encik mempromosikan blok batik pada zaman dahulu?
75. Adakah blok batik ini menjadi identiti dan tradisi pada mulanya di negeri Kelantan?

F. PENUBUHAN BENGKEL

76. Adakah Encik telah menubuhkan bengkel sendiri?
77. Bilakah bengkel encik ditubuhkan?
78. Bagaimana tercetusnya idea untuk menubuhkan bengkel tersebut?
79. Dimanakah lokasi bengkel encik?
80. Bagaimanakah encik mendapat modal membina bengkel tersebut?
81. Apakah nama rujukan bengkel ini kepada orang luar?
82. Berapakah tenaga kerja yang ada?

83. Adakah para pekerja mempunyai pengalaman dalam pembuatan blok?
84. Adakah para pekerja encik dapat menguruskan bengkel ini dengan baik?

G. CABARAN

85. Apakah pengalaman manis Encik dalam bidang Kraf Blok Batik?
86. Apakah cabaran yang dihadapi encik sepanjang menceburi bidang Kraf Blok Batik?
87. Apakah cabaran yang encik hadapi sepanjang negara mengalami pandemic Covid-19?
88. Bagaimanakah encik mengatasi cabaran tersebut?

H. HARAPAN

89. Apakah harapan Encik terhadap Kraf Blok Batik?
90. Bagaimanakah Kraf Blok Batik ini boleh dipelihara pada masa kini?
91. Apakah nasihat atau motivasi yang ingin encik katakan kepada generasi muda yang ingin menceburi bidang Kraf Blok Batik ini?
92. Pada pandangan encik, apakah sikap yang perlu diutamakan untuk menjadi seorang pembuat blok batik ini?

SURAT PERJANJIAN

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN


Saya MD GHANI BIN MAT K/P/..... pada
12 JANUARI 2023.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.
Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik- penyelidik.

(Nama tokoh MD GHANI BIN MAT)
Tarikh: 12 FEBRUARI 2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

GAMBAR



Gambar 1: Bersama Encik Md Ghani Bin Mat



Gambar 2: Blok batik sebagai kraf hiasan motif burung



Gambar 3: Sebagian motif dan reka bentuk pada blok batik



Gambar 4: Sebagian motif dan reka bentuk pada blok batik



Gambar 5: Contoh blok batik Indonesia yang ada di bengkel



Gambar 6: Mesin Giling



Gambar 7: Mesin Belt Sander

INDEKS

A

Abstrak 16, 17, 30

Anugerah 60

Asid 25

B

Bakat 14, 27, 37

Batik 1, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14,

15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27,

28, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 36, 37, 38, 39, 40,

43, 44, 45, 48

Besi 20, 21, 29, 30, 61

Bidang 4, 6, 8, 9, 10, 12, 13, 33, 39, 39, 44

Blok 1, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16

17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28,

29, 30, 31, 35, 36, 37, 39, 40, 43, 44, 45, 46

C

Cantik 37

Celup 30

Cina 20

Corak 16, 17, 18, 19, 29, 45

D

Demonstrasi 35, 39

Design 35, 39

E

England 19

K

Kayu 20, 21, 29, 39, 51

Kelantan 1, 2, 5, 7, 31

Kota Bharu 6, 20

Kraftangan 18, 20, 27, 33, 39, 44

Kreatif 41

L

Logam 39

Lukis 29, 40

Lilin 16, 21, 22, 24, 30

M

Malaysia 18, 19

Mesin 16, 18, 23, 24, 29, 32, 34, 35, 41

Mengukir 29, 62

P

Pateri 16, 22, 33, 36

Proses 29

Pupus 18, 19, 21, 33, 43, 44

S

Sander 16, 23, 36

Sarung 18, 19

Syarikat 20, 34

Semawar 17, 21, 22, 24, 25, 28, 33, 37, 40,
45

H

Halus 21, 24, 25

I

Indonesia 10, 11, 19, 22

T

Tembaga 21, 22, 23, 26, 29, 30, 40, 41

Terengganu 43

Thailand 19

Tokoh 1

Z

Zink 20, 21